



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(30) KPKT/BPK/19/7/4
Klt. 29
12 April 2010

SIARAN MEDIA

11 PBT NEGERI PAHANG TERIMA GERAN TAHUNAN

KUANTAN, 12 APRIL 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan menyerahkan geran tahunan sebanyak **RM18.25 juta kepada 11 Pihak Berkuasa Tempatan** di negeri ini, kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, peruntukan yang disediakan itu adalah bagi membantu PBT memberikan perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat dengan lebih berkesan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan kecil di kawasan masing-masing termasuk Projek Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun Dalam Kawasan PBT dan Projek Kemajuan Perkampungan Kampung Baru.

Kong berkata, Selain daripada geran tahunan KPKT juga memperuntukkan **RM4.65 juta** sumbangan membantu kadar kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini termasuk Lembaga Pembangunan Tioman.

Jelasnya, di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 1.892 billion kepada PBT seluruh negara bagi membiayai projek-projek yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat (*people centric*) seperti projek membina dan menaiktaraf jalan,

parit dan longkang, menaiktaraf pejalan kaki dan juga memasang lampu-lampu jalan, membina dewan orang ramai, pondok menunggu bas, tandas awam dan kemudahan rekreasi serta membina projek-projek sosio ekonomi seperti membina dan menaiktaraf pasar awam, gerai dan tapak pasar.

Katanya lagi, daripada jumlah tersebut Majlis Perbandaran Kuantan (RM 4.75 juta), Majlis Perbandaran Bentong (RM 1.17 juta), Majlis Daerah Raub (RM1.38 juta), Majlis Perbandaran Temerloh (RM 2.91 juta), Majlis Daerah Cameron Highlands (RM 722,137.00), Majlis Daerah Jerantut (RM 1.04 juta), Majlis Daerah Lipis (RM 1.21 juta), Majlis Daerah Maran (RM 1.04 juta), Majlis Daerah Pekan (RM 1.13 juta), Majlis Daerah Rompin (RM870,118.00) dan Majlis Daerah Bera (RM 2.03 juta).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Saleki Amat Januri ditalian mudah alih 019-6297481 atau emelkan ke saleki62@kpkt.gov.my atau Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke zainal_shahrman@kpkt.gov.my